

PM: Pakej baru bincang pelbagai isu dengan Singapura

UM 14 MAR 2002

SUBANG 13 Mac — Malaysia sedang mengusahakan satu pakej baru untuk dibincangkan dengan Singapura bagi menyelesaikan pelbagai isu yang membabitkan hubungan dua hala.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kerajaan sudah mempunyai idea serta formula baru bagi pakej tersebut.

"Singapura tak naklah kita runding melalui media, jadi kita hormati dia," katanya semasa ditemui di Pangkalan TUDM Su-

bang sebelum berlepas untuk melakukan lawatan rasmi ke Rusia, Jerman dan Poland.

Ketika ditanya sama ada pakej baru itu termasuk isu tanah, Perdana Menteri berkata: "Isu semua sekali satu pakej, benda-benda baru timbul kita tambahlah."

Bagaimanapun, beliau tidak menyatakan secara spesifik sama ada isu penambakan laut di Pulau Tekong oleh Singapura yang menerima bantahan pelbagai pihak di Malaysia termasuk dalam pakej tersebut.

Ketika ditanya mengenai harga baru yang dikehendaki oleh Malaysia dalam pakej tersebut bagi air yang dibekalkan oleh Malaysia ke Singapura, Dr. Mahathir berkata: "Itu kita akan beritahu Singapura."

Beliau berkata, harga air tiga sen bagi setiap seribu gelen (satu gelen bersamaan kira-kira 4.5 liter) air mentah yang dibekalkan oleh Malaysia ke Singapura sekarang agak tidak manasabah.

Pada masa ini, Malaysia membekalkan 350 juta gelen air

mentah sehari ke Singapura dengan harga tersebut dan Singapura kemudiannya menjual balik 37 juta gelen air yang telah dirawat kepada Johor dengan harga 50 sen bagi setiap 1,000 gelen air bersih.

Ditanya sama ada isu penambakan laut di Pulau Tekong boleh diselesaikan, Dr. Mahathir berkata isu itu boleh diselesaikan sekiranya ada *goodwill* daripada kedua-dua pihak.

Beliau berkata, Timbalan Per-

■ Lihat muka 4

PM: Pakej baru bincang pelbagai isu dengan Singapura

dana Menteri Singapura, Lee Hsien Loong yang menemuinya pada hari Isnin lepas telah memberi jaminan bahawa Singapura akan menimbang bantahan Malaysia berhubung perkara itu.

Lee kini berada di Malaysia dalam rangka lawatan empat hari sejak hari Isnin lepas.

"Pada mulanya mereka tolak dakwaan (bila) kata ada masalah (kegiatan penambakan) tapi sekarang ni mereka mengaku bahawa mereka akan timbang apabila kita kemukakan bantahan," katanya.

Isu penambakan muncul sejak seminggu lepas apabila Malaysia menyuarakan kebimbangan bahawa kegiatan penambakan oleh Singapura itu mungkin menyempitkan jalan air yang memisahkan kedua-dua negara dan menjejaskan ekologi serta mata pencarian nelayan di kawasan terbabit.

Ketika merujuk kepada lawatannya ke Rusia, Jerman dan Poland, Dr. Mahathir berkata apa yang penting adalah bagi negara ini meningkatkan perdagangan dengan seberapa banyak negara yang boleh. — Bernama